

# **Kesan penggunaan mnemonik "siasat" berbantuan jadual pendaraban indeks dan pembelajaran koperatif terhadap pencapaian matematik pelajar berprestasi rendah**

## **ABSTRACT**

Pelajar berprestasi rendah sering mengalami masalah dalam pembelajaran matematik khususnya dalam Pendaraban Indeks, salah satu tajuk yang perlu dikuasai oleh pelajar. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menentukan kesan penggunaan teknik mnemonik akronim SIASAT berbantuan jadual pendaraban indeks dan pembelajaran koperatif 'Think-Pair-Share' terhadap pencapaian pelajar Tingkatan Tiga berprestasi rendah dalam pendaraban indeks. Kajian kuantitatif ini menggunakan reka bentuk kuasi eksperimen dimana dua kumpulan ditetapkan, iaitu 40 orang pelajar dalam kumpulan kawalan dan 40 lagi pelajar dalam kumpulan rawatan. Kumpulan kawalan telah mengikuti pembelajaran konvensional berpusatkan guru manakala kumpulan rawatan didedahkan kepada penggunaan mnemonik akronim SIASAT, jadual pendaraban indeks dan pembelajaran koperatif Think-Pair-Share. Dapatan kajian menunjukkan pelajar dalam kedua-dua kumpulan meningkatkan skor markah mereka daripada ujian pra kepada ujian pasca. Walau bagaimanapun, pencapaian pelajar dalam kumpulan rawatan jauh lebih baik berbanding kumpulan kawalan. Kajian ini telah menunjukkan keberkesanan penggunaan mnemonik akronim SIASAT, jadual pendaraban indeks dan pembelajaran koperatif Think-Pair-Share dalam meningkatkan pencapaian pelajar dalam pendaraban indeks. Justeru, guru-guru perlu kreatif dan inovatif serta proaktif dalam membangunkan pelbagai pendekatan, teknik dan bahan bantu mengajar bagi membantu pelajar berprestasi rendah dalam pembelajaran matematik.